

Headline	Penyelidik FRIM menang anugerah Jepun	Language	Malay
Date	13 Nov 2009	Page No	11
MediaTitle	Utusan Malaysia	Article Size	333 cm²
Section	Supplement	Color	Full Color
Journalist	N/A	ADValue	6,582
Frequency	Daily	PRValue	19,745
Circ / Read	238,082 / 833,287		



Penyelidik FRIM menang anugerah Jepun

SEORANG penyelidik Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Dr Kevin Ng Kit Siong, mencatat sejarah apabila menerima Anugerah Antarabangsa Jepun 2009 untuk Penyelidik Muda Pertanian, sempena majlis anugerah berkenaan yang diadakan di Universiti Tokyo di Jepun, baru-baru ini.

Menurut kenyataan FRIM, anugerah tahunan tersebut mula diperkenalkan oleh Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun bermula 2007.

Anugerah berkenaan bertujuan memberi pengiktirafan kepada penyelidik muda dari luar Jepun atas sumbangan terhadap pembangunan teknologi ke arah peningkatan keselamatan atau jaminan bekalan makanan dan persekitaran di negara membangun," kata kenyataan itu lagi.

Dr. Kevin, 34, yang berkhidmat di Bahagian Makmal Genetik, Bahagian Bioteknologi di FRIM merupakan salah seorang daripada tiga penerima anugerah bagi tahun ini.

Beliau dipilih kerana prestasi kerja serta pencapaian penyelidikan inovatif dalam struktur ruang dan kesan pembalakan ke atas kepelbagaian spesies pokok tropika.

Majlis tersebut dianjurkan bersama



KEVIN Ng (kanan) bersama Duta Malaysia Ke Jepun, Datuk Shaharuddin Md. Som pada majlis penyampaian hadiah di Tokyo, baru-baru ini.

oleh Pusat Penyelidikan Antarabangsa Jepun Untuk Sains Pertanian (JIRCAS) dan Majlis Penyelidikan Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun.

Pada majlis itu, penerima anugerah

juga diberi peluang untuk membentangkan penyelidikan masing-masing.

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd. Latif Mohmod, yang turut berkongsi

kegembiraan itu, menyatakan bahawa penerimaan anugerah tersebut juga merupakan satu pengiktirafan terhadap FRIM.

Kevin yang mula berkhidmat dengan FRIM pada tahun 1999 setelah tamat pengajian daripada Universiti Malaysia Sabah IUMS) dengan berkelulusan ijazah dalam bidang Pemuliharaan Biologi dan mendapat doktor falsafah dalam bidang Genetik Perhutanan daripada Universiti Malaya pada tahun 2005.

Beliau juga adalah merupakan penerima *Japanese ITTO Wellcome Fund Fellowship* (2001) and *Research Fellowship for Foreign Specialists* (2002).

Beliau yang pernah memenangi Anugerah Tesis Terbaik FRIM pada tahun 2006 telah mengeluarkan lebih daripada 30 kertas saintifik yang diterbitkan di beberapa jurnal.

Beliau juga aktif terlibat serta mengetuai beberapa projek utama di dalam bidang pembangunan dan penyelidikan (R&D).

Antara lain, Kevin bertanggungjawab mengetuai kajian Melawi Ramin (*Gonystylus bancanus*) di Malaysia bagi memperkayakan informasi terhadap struktur dan pengukuhan pangkalan data untuk menjejaki aktiviti penyeludupan.